



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2018

**PEMANSUHAN PEPERIKSAAN KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN
(KPSL) GRED 41 BAGI SKIM PERKHIDMATAN EKONOMI (E)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan memaklumkan mengenai Pemansuhan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke Gred 41 bagi Skim Perkhidmatan Ekonomi (E) .

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991-Pelaksanaan Sistem Saraan Baru dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002-Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan, Peperiksaan Khas Jabatan adalah merupakan salah satu syarat kenaikan pangkat secara lantikan ke gred yang lebih tinggi selain daripada anggota memiliki kelayakan ijazah sarjana muda yang diiktiraf kerajaan dari Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

2.2 Justeru itu, bagi meningkatkan kemajuan kerjaya anggota yang tiada peluang untuk melanjutkan pelajaran, LPP telah melaksanakan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) sebagai salah satu syarat melayakkan anggota yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41.

2.3 Berdasarkan kepada pekeliling berkenaan (Perenggan 2 – Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan), pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41 tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

a) Mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya,

ATAU

lulus Peperiksaan Khas Jabatan; dan

b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- 2.4 Skim Perkhidmatan Pegawai Ehwal Ekonomi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 disertakan seperti di **Lampiran A**.

3. PELAKSANAAN RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI EHWAL EKONOMI

- 3.1 Kerajaan telah memperkemas dan menambahbaik pengurusan skim perkhidmatan agar ianya menjadi lebih relevan dengan keperluan semasa dalam melahirkan modal insan yang lebih kompeten.
- 3.2 Melalui pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016-Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia, skim perkhidmatan bagi Pegawai Ehwal Ekonomi telah ditambahbaik.
- 3.3 Berdasarkan kepada pekeliling berkenaan (Perenggan 2 – Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan), pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41 tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- a) Mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya, dan ;
- b) Had umur pelantikan
 - i) berumur kurang 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) berumur kurang 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) berumur kurang 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3.4 Skim Perkhidmatan Pegawai Ehwai Ekonomi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 disertakan seperti di **Lampiran 12**.

4. ASAS PERTIMBANGAN

4.1 Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia,

Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan **tidak lagi** menjadi salah satu syarat kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41.

- 4.2 Anggota yang sedang berkhidmat di jawatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi hendaklah memiliki kelayakan ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan yang diiktiraf bagi melayakkan mereka menjawat jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41.
- 4.3 Adalah menjadi keperluan untuk memansuhkan Peperiksaan Kenaikan Pangkat ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41 selaras dengan penambahbaikan skim perkhidmatan jawatan tersebut.


5. KEPUTUSAN

Dengan kuatkuasanya Surat Pekeliling ini, Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke Gred E41 bagi Skim Perkhidmatan Ekonomi (E) tidak lagi diadakan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 dan Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2018.

6. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai **10 April 2018**.

Sekian, terima kasih.



(**HAJI. HAMZAH BIN HAJI. BAHARI**)
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang

26 April 2018

Edaran Kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai – Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwai Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu Ehwai Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit Semenanjung Malaysia (KESADA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPP Negeri Sabah (KESABAH)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat LPP Semenanjung Malaysia (TEMA)